

### **Malaysia: Program Jangkauan Higen Industri**

Dalam usaha untuk menyokong strategi pengarusperdanaan higen industri yang terkandung di dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-MP) Malaysia 2020, MIHA telah terlibat secara aktif dalam inisiatif jangkauan higen industri yang telah direka untuk memacu dan mempromosikan higen industri yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemangkin Higen Industri (IH2C). Jawatankuasa ini, yang diwakili oleh Ng Hon Seng dan Marina Zainal Farid daripada MIHA, bertujuan untuk memenuhi objektif berikut:

- Mewujudkan kerjasama pelbagai persatuan, industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pengamal kesihatan dan keselamatan, badan kerajaan dan agensi.
- Mempromosi dan mengedar maklumat higen industri.
- Meningkatkan penyertaan dalam program dan aktiviti berkaitan higen industri.
- Menghebahkan pematuhan terhadap perundangan yang dikuatkuasakan berkaitan Higen Industri secara berkesan
- Meningkatkan kesedaran higen industri di kalangan majikan, pekerja dan orang awam.

MIHA memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan IH2C dalam mencapai matlamat penubuhannya. Antara pelan masa depan yang dibincangkan termasuklah mewujudkan medium untuk berkongsi mengenai kawalan yang berkesan dan berpatutan dalam mengawal pendedahan terhadap risiko kesihatan di tempat kerja yang menyasarkan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS), menganjurkan program higen industri di sekolah yang menumpukan kepada isu-isu seperti keselamatan bahan kimia di dalam makmal dan ergonomik, dan menghasilkan video - video kandungan tempatan yang menyalurkan mesej berkaitan dengan higen industri secara berkesan bagi meningkatkan kesedaran orang awam.

Selain daripada itu juga, pada 17 Ogos 2017, menandakan satu peristiwa penting buat MIHA di mana Presiden MIHA, Norhazlina Mydin, secara rasminya telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Persatuan Higen Industri Korea (KIHA) di Hotel Hyundai, Gyeongju, Korea Selatan di Persidangan Musim Panas KIHA 2017. MoU ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi keupayaan higen industri dan mewujudkan medium perkongsian secara profesional di kalangan pengamal keselamatan dan kesihatan di antara kedua-dua buah negara.



*Majlis menandatangani MoU antara KIHA dan MIHA sempena Persidangan Musim Panas KIHA 2017.*

Pada masa yang sama, Persatuan Pelajar MIHA telah menganjurkan lawatan pendidikan antarabangsa yang pertama ke persidangan ini, yang telah diketuai oleh Jawatankuasa Perhubungan Universiti MIHA, Megat Azman Megat Mokhtar. Seramai 3 orang pensyarah dan 25 orang pelajar yang terdiri daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengikuti lawatan ini. Selain daripada itu, mereka turut melawat Industri Berat Hyundai, Agensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Korea (KOSHA), Universiti Soon Chun Hyang dan 3M.



*Program Lawatan Akademik Musim Panas 2017 di Korea Selatan*

Sebagai salah satu usaha dalam menambah nilai kepada orang awam serta sumbangan dalam menyokong program jangkauan higien industri di bawah IH2C, MIHA telah menyertai acara seperti berikut:

#### **Forum Higien Industri – Kolej SMART 2017**

Penganjur: Kolej SMART, Kuala Lumpur  
 Tema: 'Memperkenalkan amalan terbaik dalam higien industri'  
 Tarikh: 13 Julai 2017  
 Tempat: Robert Peel Hall, Kolej SMART  
 Penceramah: Ir. Kim Kek Seong  
 Tajuk: Memupuk pengamal higien industri



*MIHA telah dijemput sebagai penceramah di forum higen industri SMART College 2017*

Selaras dengan misinya, MIHA terus menganjurkan pelbagai program latihan serantau tahunan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran higen industri. Antara latihan yang telah dijalankan baru-baru ini termasuklah:

- i. Latihan: Peraksanaan Tataamalan Industri (ICOP) Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data  
Keselamatan (CLASS) 2014 untuk pengelas bahan kimia  
Tarikh: 11 - 13 Julai 2017  
Tempat: Hotel Corus, Kuala Lumpur  
Jurulatih: Ir. Anuar Mohd Mokhtar



*MIHA telah menganjurkan latihan pelaksanaan ICOP CLASS 2014 untuk pengelas bahan kimia*

- ii. Latihan: Pengelasan bahaya kesihatan untuk penilai risiko kesihatan  
Tarikh: 27 Julai 2017  
Tempat: Hotel Corus, Kuala Lumpur  
Jurulatih: Shabanon Sharif



*MIHA telah menganjurkan latihan pengelasan bahaya kesihatan untuk penilai risiko kesihatan*

- iii. Latihan:           Garis panduan bagi penggunaan Kelengkapan Pelindungan Diri (PPE) terhadap bahaya bahan kimia  
Tarikh:                 22 - 23 Ogos 2017  
Tempat:                Hotel Corus, Kuala Lumpur  
Jurulatih:             Sherlyn Voon Chel Ling



*MIHA telah menganjurkan latihan garis panduan bagi penggunaan PPE terhadap bahaya bahan kimia*

Melangkah ke hadapan, MIHA menuju ke arah mencapai dan mengekalkan piawaian tertinggi dalam higen industri dengan mengawasi dan mengesahkan pengamal higen industri di Malaysia melalui skim pensijilan yang diiktiraf oleh IOHA iaitu *Certified Professional Industrial Hygienist (CPIH)*. Peperiksaan lisan pertama untuk calon CPIH akan diadakan pada Oktober 2017.